

UTTA

U B362 BAH  
MAHATHIR - STRATEGI

JERANTUT, 30 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGARISKAN TIGA CIRI UTAMA BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN PARTI, IAITU BILANGAN ANGGOTA YANG RAMAI, BERSEMANGAT TINGGI, SERTA MEMPUNYAI CARA BERGERAK YANG TERTIB.

JELASNYA, SEMANGAT DAN BILANGAN ANGGOTA YANG RAMAI SAHAJA TANPA STRATEGI TIDAK AKAN MEMBOLEHKAN PARTI ITU BERJAYA. BELIAU LALU MENYEBUT CONTOH BAGAIMANA MELAKA JATUH KE TANGAN PORTUGIS PADA TAHUN 1511.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN MELAKA KETIKA ITU, MEMPUNYAI BILANGAN ANGGOTA TENTERA YANG RAMAI, SEBALIKNYA PORTUGIS DENGAN BILANGAN ANGGOTA TENTERA YANG KECIL MEMPUNYAI STRATEGI YANG LEBIH TERATUR TELAH BERJAYA MENUMPASKANNYA.

+UMNO MENANG SEJAK DULU KERANA IA BERGERAK SECARA TERTIB. IA MEMPUNYAI CAWANGAN-CAWANGAN DI KAMPUNG, BAHAGIAN DI KAWASAN-KAWASAN PARLIMEN, PERHUBUNGAN NEGERI DI PERINGKAT NEGERI DAN MAJLIS TERTINGGI DI PERINGKAT PUSAT.

+DAN ARAHAN-ARAHAN DARIPADA PUCUK PIMPINAN BOLEH SAMPAI KE PERINGKAT CAWANGAN DI KAMPUNG MAKA APABILA ARAHAN BERSIAP SEDIA UNTUK PILIHAN RAYA DIKELUARKAN, SEMUA ORANG HINGGA KE PERINGKAT KAMPUNG BERSEDIA,+ KATANYA PADA PERJUMPAAN DENGAN PARA PEMIMPIN MASYARAKAT DI DEWAN MAJLIS DAERAH DI SINI.

-- LAGI.

1559MST 30 06 90

U B364 BAH  
MAHATHIR - STRATEGI 2 JERANTUT

BELIAU YAKIN DENGAN MEMENUHI KETIGA-TIGA CIRI ITU, UMNO BOLEH +SAPU BERSIH+ DI PAHANG DAN MUNGKIN DI SELURUH NEGARA PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

PENGERUSI BARISAN NASIONAL ITU MENYENTUH MENGENAI KERJASAMA UMNO DALAM BN DAN PERLUNYA KERUSI DI KAWASAN-KAWASAN PILIHAN RAYA DIAGIH-AGIHKAN ANTARA SESAMA PARTI KOMPONEN DALAM BN.

KATANYA, KERJASAMA ITU, IALAH DENGAN MENAWARKAN KERUSI-KERUSI TERTENTU KEPADA PARTI-PARTI LAIN DALAM BN DENGAN HARAPAN AGAR PARTI-PARTI BERKENAAN MEMBERIKAN UNDI MEREKA KEPADA CALON UMNO PULA.

+INI DIBUAT BUKAN MENGIKUT PERASAAN TETAPI SATU STRATEGI SEBAB TAHU JIKA INGIN MENCAPAI KEJAYAAN ADALAH UNTUNG KITA MENĎAPAT SOKONGAN DARIPADA ORANG-ORANG CINA, INDIA, IBAN, KADAZAN DAN SEBAGAINYA,+ KATANYA.

MENURUTNYA, TIADA GUNANYA KEMENANGAN SESEBUAH PARTI DI SATU-SATU KAWASAN PILIHAN RAYA SEKIRANYA TEWAS DI KAWASAN-KAWASAN LAIN DAN BN GAGAL MEMBENTUKKAN KERAJAAN.

KATANYA, PAS KINI SEDAR BAHAWA IA +DI JALAN YANG SALAH+ APABILA ENGGAN BERKERJASAMA DENGAN KAUM-KAUYM LAIN TETAPI MEREKA SEPATUTNYA MEMILIH UNTUK BERKERJASAMA DENGAN UMNO SESUDAH MENYEDARI KESALAHAN ITU. -- LAGI.

1617MST 30 06 90

0452

U B365 BAH  
MAHATHIR - STRATEGI 3 JERANTUT

+TETAPI PAS TERUS MEMILIH JALAN YANG LEBIH SALAH IAITU BEKERJASAMA DENGAN DAP YANG MEMPERJUANGKAN NEGARA SEKULAR DAN SEMANGAT 46 YANG BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN HANYA SEORANG,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR TERUS MENYINDIR PAS DAN MENYEBUT DUA KEJAYAAN PARTI ITU IALAH BERJAYA +MENGURANGKAN+ ORANG ISLAM DI NEGARA INI DENGAN TINDAKAN MENGKAFIRKAN ORANG-ORANG UMNO SERTA KEJAYAAN MEMECAHBELAHKAN ORANG MELAYU DENGAN ISU-ISU DUA IMAM, DUA MASJID DAN DUA KUBURNYA.

SEDANGKAN UMNO, KEJAYAANNYA MENEGAK ISLAM TERBUKTI MENERUSI PEMBINAAN MASJID YANG LEBIH BANYAK, MENGANJURKAN SEMINAR-SEMINAR ANTARABANGSA MENGENAI ISLAM, MENUBUHKAN FAKULTI-FAKULTI ISLAM, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA, BANK ISLAM DAN TABUNG HAJI, JELASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA SETIAP ANGGOTA UMNO AGAR TIDAK MELUPAKAN MATLAMAT MEREKA MENYERTAI PARTI ITU, IAITU UNTUK MEMELIHARA KEDUDUKAN BANGSA MELAYU, AGAMA DAN NEGARA.

+JIKA HARI INI ADA KUMPULAN SERPIHAN 46, SEBABNYA IALAH KERANA MEREKA TIDAK BERPEGANG KEPADA HASRAT DAN PERJUANGAN UMNO TETAPI MEMPERJUANGKAN UNTUK MENJAYAKAN POLAN SIPOLAN.

+BILA SUDAH DISELEWENGGAN DARI ARAH UMNO, DIPENGARUHI OLEH SEORANG DENGAN CITA-CITANYA, MAKA BERLAKULAH PEPECAHAN,+ KATANYA.

KIRA-KIRA 3,000 PEMIMPIN MASYARAKAT MENYERTAI PERJUMPAAN ITU. YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR PAHANG, TAN SRI KHALIL YAAKOB, MENTERI SUMBER MANUSIA, DATUK LIM AH LEK, MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK DAN TIMBALAN MENTERI KEWANGAN, DATUK WAN ABU BAKAR WAN MOHAMAD YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN JERANTUT. -- BERNAMA.

1626MST 30 06 90